

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]

TARIKH : 31 OKTOBER 2019

SOALAN

Dato' Sri Reezal Merican Bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kemajuan inisiatif Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP) setakat hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perjanjian Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau atau dengan izin, *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) merupakan satu usaha negara-negara ASEAN mengukuhkan integrasi ekonomi dan meningkatkan fasilitasi perdagangan intra-ASEAN dan juga dengan rakan-rakan dialog ASEAN iaitu China, Jepun, Korea, Australia, New Zealand and India.
2. Sejak rundingan dimulakan pada bulan Mei 2013 sehingga September 2019, sebanyak 28 pusingan rundingan telah diadakan dan sehingga kini, rundingan RCEP telah berjaya memuktamadkan 11 bab atau *Working Groups*, dengan izin iaitu:
 - i. kerjasama ekonomi dan teknikal (ECOTECH);
 - ii. perusahaan kecil dan sederhana (SME);

- iii. prosedur kastam dan fasilitasi perdagangan (CPTF)
- iv. *Institutional Provisions;*
- v. Kumpulan Kerja *standards, technical regulations and conformity assessment procedures* (STRACAP), dengan izin;
- vi. *sanitary and phytosanitary* (SPS), dengan izin;
- vii. perolehan kerajaan (GP) yang tidak melibatkan akses pasaran dan hanya bertujuan untuk berkongsi maklumat dan ketelusan;
- viii. Perkhidmatan Telekomunikasi (TEL);
- ix. Hak Harta Intelek (IPR);
- x. Isu Undang-Undang dan Institusi (LII), dan
- xi. Perdagangan Barang (TIG),

Tuan Yang di-Pertua,

3. RCEP dapat memberi banyak manfaat kepada Malaysia. Antara faedah yang boleh saya nyatakan di sini adalah peraturan-peraturan dan prosedur yang berbeza di bawah setiap FTA ASEAN dapat diselaraskan dengan lebih teratur di bawah RCEP. Sektor swasta berpandangan bahawa penyelarasan prosedur dibawah RCEP adalah penting kerana perbezaan prosedur akan menyebabkan kerumitan perdagangan memandangkan mereka perlu mengikut prosedur yang berlainan bagi setiap FTA ASEAN. Perbezaan prosedur juga melibatkan kos tambahan dan masa yang lebih panjang dalam urusan perniagaan.

4. Selain itu, RCEP menyediakan peluang untuk memperoleh bahan mentah yang berkualiti pada harga yang lebih murah dari pelbagai sumber negara ahli RCEP yang boleh digunakan dalam perkiraan bagi

NO. SOALAN : 10

pematuhan kepada Peraturan Tempasal atau dengan izin, *Rules of Origin* (ROO). ROO merupakan kaedah yang digunakan bagi menentukan produk yang dihasilkan dapat menikmati tarif berkeutamaan di bawah RCEP. Hal ini penting untuk meningkatkan aktiviti pengeluaran dilaksanakan dalam negara-negara RCEP.

5. RCEP juga dapat membantu integrasi syarikat-syarikat di rantau ini dalam rantaian nilai global (*global supply chain*) yang merupakan satu keperluan bagi syarikat-syarikat dirantau ini untuk lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa, dan seterusnya berkembang menjadi syarikat bertaraf global (*global players*);
6. Seterusnya RCEP memberi peluang bagi Malaysia dan negara-negara ASEAN lain untuk meningkatkan eksport barang dan perkhidmatan ke pasaran yang besar di Republik Rakyat China dan India. Sehingga kini belum ada sebarang perjanjian perdagangan bebas yang menghubungkan kedua-dua negara besar ini kecuali RCEP.
7. Akhir sekali, Malaysia juga akan menikmati akses dan liberalisasi pasaran yang lebih baik berbanding dengan komitmen yang sedia ada di bawah kerangka FTA ASEAN. Bagi Malaysia, ini adalah amat penting kerana masih terdapat peluang pasaran eksport yang masih belum diterokai sepenuhnya oleh peniaga-peniaga Malaysia.

Sekian, terima kasih.